

KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN KERJA RAYA

SURAT SETUJUTERIMA

Rujukan (14)dlm.PKR:J(S)/36/1 Jld.2

Pejabat Ketua Pengarah
Kerja Raya
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

Tarikh 22 JAN 1993

Malaysian-Thai Development Sdn. Bhd.
Lot 8359, Batu 8
Jalan Batu Caves
68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan



Tuan

**Memperelokkan Jalan Kuala Kangsar-Gerik
Perak Darul Ridzuan, Pakej I - Bahagian 'A'**

Merujuk kepada rundingan yang telah diadakan di antara wakil-wakil Kerajaan dengan pihak tuan pada 8hb. Disember, 1992 di Ibu Pejabat JKR Malaysia, Kuala Lumpur, sukacita dimaklumkan bahawa tender tuan bagi Kerja-kerja yang tersebut di atas telah disetujuterima dengan harga RM114,574,346.17 (Ringgit Malaysia: Seratus Empat Belas Juta, Lima Ratus Tujuh Puluh Empat Ribu, Tiga Ratus Empat Puluh Enam Dan Sen Tujuh Belas Sahaja) tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat dan perjanjian dalam Dokumen Tender dan juga yang terkandung dalam surat ini.

2. Persetujuan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

a) Peruntukan Khas Syarat-syarat Perubahan Harga

Peruntukan khas syarat-syarat perubahan harga adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 14/1991 bertarikh 15hb. Oktober, 1991 serta Pindaan Pertama SPP Bil. 14/1991 bertarikh 5hb. Mei, 1992 untuk Kerja-kerja Kejuruteraan Awam. Bahan 'cutback bitumen' telah dikeluarkan dari senarai bahan yang dibenarkan syarat perubahan harga. Walau bagaimanapun 'bitumen

80/100 penetration grade' yang terdapat dalam 'cutback bitumen' adalah tertakluk kepada syarat perubahan harga. Bagi tujuan perkiraan perubahan harga, Harga Unit Bahan pada bulan Mei 1992, yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan akan dijadikan sebagai Harga Unit Asas.

b) 'Plasticity Index' untuk 'subbase materials'

'Subbase materials' pada keadaan biasa hendaklah mempunyai nilai 'plasticity index' kurang dari 6%. Walau bagaimanapun nilai 'plasticity index' kurang dari 12% dibenarkan sekiranya 'water table' berada 1 meter di bawah 'subgrade materials'.

c) Item 4.2.1 (Bill No. 4) - compact granular material subbase materials

Bahan tersebut hendaklah jatuh dalam satu 'grading' iaitu dari Zon A hingga Zon D seperti yang dinyatakan dalam spesifikasi.

3. Tuan akan dikehendaki melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal dan akan diberitahu bila Dokumen Kontrak siap sedia untuk ditandatangani oleh tuan. Bagaimanapun, sehingga Perjanjian Kontrak yang formal tersebut dilaksanakan, Surat Setujuterima ini akan menjadi kontrak mengikat yang sah di antara tuan dan Kerajaan.
4. Pegawai Penguasa bagi projek ini adalah Pengarah JKR Negeri Perak Darul Ridzuan.
5. Tarikh Milik Tapakbina, seperti yang disebut dalam Syarat-syarat Kontrak, ialah pada ~~13hb. Februari 1993~~ dan berdasarkan Tempoh Siap Kerja selama 157 minggu, Tarikh Siap untuk keseluruhan Kerja-kerja di bawah Kontrak ini ialah ~~16hb. Februari 1996~~.....
6. Sebagai syarat-syarat sebelum memulakan Kerja-kerja, tuan adalah dikehendaki menyerahkan kepada Pegawai Penguasa perkara-perkara berikut:-
 - a) Bon Perlaksanaan sebanyak RM5,728,717.31 (merupakan 5% daripada Harga Kontrak) dalam bentuk Gerenti Bank atau Insurans yang diluluskan dan berkuatkuasa mulai tarikh milik tapak atau sebelumnya;
 - b) Polisi Insurans untuk Kerja yang meliputi kesemua perkara yang dinyatakan dalam Fasal 36 Syarat-syarat Kontrak mengikut nilai harga Kontrak;

- c) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) dengan nilai insurans tidak kurang daripada RM1,000,000.00 bagi satu-satu kemalangan atau siri kemalangan berbangkit dari satu-satu kejadian, bilangan kemalangan tidak terhad;
- d) Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) dan
- e) Polisi Insurans Pampasan Pekerja berjumlah tidak kurang daripada RM5,000,000.00 (merupakan anggaran jumlah pendapatan daripada pekerja-pekerja Kontraktor yang tidak termasuk di bawah Skim PERKESO).

Dengan syarat bahawa bagi memulakan Kerja-kerja dan bukan maksud lain, tuan boleh menyerahkan Bon Perlaksanaan dan Nota Liputan bagi maksud polisi-polisi insurans tersebut dan resit-resit premium yang telah dibayar itu kepada Pegawai Penguasa.

- 7. Bagaimanapun tuan dikehendaki menyerahkan Polisi Insurans untuk Kerja-kerja dan segala polisi insurans lain yang berkenaan (jika belum diserahkan) menurut perenggan 5 di atas, sebelum melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal.
- 8. Pihak tuan juga layak memohon Wang Pendahuluan sebanyak RM5,000,000.00 dengan syarat pihak tuan mengemukakan kepada Kerajaan melalui Pegawai Penguasa satu Gerenti Bank atau Insurans dalam bentuk yang diluluskan oleh Kerajaan.
- 9. Surat ini dihantar kepada tuan dalam dua salinan. Sila kembalikan salinan Asal yang telah ditandatangani oleh tuan dan disaksikan dengan sepenuhnya, di ruang yang berkenaan ke pejabat ini dan simpan salinannya.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



.....
(TAN SRI DATO' IR. WAN A. RAHMAN BIN YAACOB)
Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia
Untuk dan bagi pihak Kerajaan


- s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Kewangan
Khazanah Malaysia
Bahagian Pengurusan Kontrak & Bekalan
Jalan Duta
50592 Kuala Lumpur
- " Ketua Setiausaha
Bahagian Pembangunan
Kementerian Kerja Raya
Kuala Lumpur
- " Ketua Setiausaha
Bahagian Kontrak, Penyenggaraan & Bumiputra
Kementerian Kerja Raya
Kuala Lumpur
(U/P: Puan Rahimah bt. Dato' Hj. Ahmad)
- " Akauntan Perbendaharaan
Ibu Pejabat JKR
Kuala Lumpur
- " Pengarah Pengurusan
Ibu Pejabat JKR
Kuala Lumpur
- " Pengarah Cawangan Kontrak & Ukur Bahan
Ibu Pejabat JKR
Kuala Lumpur
(U/P: Juruukur Bahan Penguasa,
Unit Kejuruteraan Awam)
- " Pengarah Cawangan Jalan
Ibu Pejabat JKR
Kuala Lumpur
(U/P: Jurutera Penguasa Kanan,
Penolong Pengarah Kanan (I))
- " Pengarah Pusat Khidmat Kontraktor
Kementerian Perusahaan Awam
Tingkat 15 & 16, Bangunan Medan Mara
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur

- " Ketua Pengarah
Jabatan Hasil Dalam Negeri
Blok 11, Tingkat 15, Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Duta
50600 Kuala Lumpur
(U/P: Pengurus Komputer)
- " Pengarah Hal Ehwal Sumber Manusia
Wilayah Persekutuan
- " Pengarah,
JKR. Negeri Perak,
Jalan Panglima Bukit Gantang,
30000 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
- " Pertubuhan Pejabat Tempatan,
Pertubuhan Keselamatan Sosial,
Tingkat Atas, Bangunan Pejabat Daerah,
33000 Kuala Kangsar,
Perak Darul Ridzuan.

Ketua Pengarah Kerja Raya
(Cawangan Jalan) Tingkat 15
Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur (U/P: Pengarah Cawangan Jalan)

**Memperelokkan Jalan Kuala Kangsar-Gerik
Perak Darul Ridzuan, Pakej I - Bahagian 'A'**

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini mengaku penerimaan surat di atas dan mengesahkan persetujuan kami kepada semua had, syarat-syarat dan stipulasi yang terkandung di dalamnya. Seperti yang dikehendaki, salinan asal yang telah ditandatangani, bertarikh dan disaksikan, dengan ini dikembalikan kepada tuan dan satu salinannya telah disimpan oleh kami.



.....
(Tandatangan Kontraktor)

Nama Penuh: **DR. NIK HUSSEIN AB. RAHMAN**
Executive Chairman


Atas sifat:

Yang diberikuasa dengan
sempurnanya untuk menanda-
tangani untuk dan bagi pihak:



.....
Meteri atau Cap Kontraktor

Tarikh: **27-01-93**



.....

(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh:

MOHD FAUZI AB HAMID
General Manager

No. K/P:

Pekerjaan:

Alamat:

MALAYSIAN-THAI DEVELOPMENT SDN. BHD.
Lot 8259 Mukim of Batu, Bagan S.
Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor.
P.O. Box 10639, 50720 Kuala Lumpur.
Tel: 03-6899022 (6-lines)

Telefax: 6899024

Tarikh: **27-01-93**